

**TRANSKRIP SIDANG MEDIA YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
TOKYO, 21 FEBRUARI 2024**

Saya dengan Ketua Pengarah NADMA, mempelajari beberapa perkara bagi mengurangkan risiko banjir besar di negara kita. Apa yang dipelajari daripada Osaka ini, kita lihat bahawa proses tebatan banjir telah dibuat 45 tahun yang lalu dan pemasangan pam penyedut air dalam kapasiti besar telah juga dilakukan sejak 45 tahun yang lalu. Untuk mengatasi masalah banjir ini bukan hanya soal kebajikan, kepada mangsa-mangsa banjir tetapi soal bagaimana pengairan, pengaliran dan juga penempatan banjir harus dilakukan bersama-sama dengan teknologi yang baru. Apa yang dilakukan oleh Jabatan Banjir di Osaka ini mereka telah meletakkan keutamaan. Dengan kerjasama, bukan hanya kerajaan Persekutuan, tetapi juga dengan kerajaan prefektur ertinya kerajaan-kerajaan tempatan untuk mengeluarkan perbelanjaan bagi pembelian aset dan juga di dalam pengurusan penjagaan banjir ini. Maka, apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melakukan tebatan banjir di negeri-negeri yang sering dilanda banjir adalah satu usaha terkehadapan untuk menentukan bahawa masalah banjir ini harus dilakukan terutamanya dengan penyedutan dan mendalamkan sungai-sungai apa yang pernah dilakukan di Osaka ini.

Di samping itu, mereka juga melakukan pelebaran muara sungai supaya air dapat dikeluarkan. Ketiganya, mereka mempunyai pam yang besar. Osaka contohnya ada 6 pam besar yang digunakan untuk menyedut dan menyimpan air dan apabila air surut di lautan baru boleh dikeluarkan dan mereka juga mempunyai sistem "storage" apabila hujan lebat itu ada terusan yang boleh menyimpan air dan apabila selepas banjir, air itu dilepaskan ke laut. Dan perkara-perkara yang begini, mungkin telah dipelajari oleh JPS di negara kita tetapi dari segi effectiveness dilakukan oleh kerajaan di Osaka ini. NADMA umpamanya melihat dari segi bantuan-bantuan yang diberikan kepada mangsa banjir, bantuan kepada kerajaan negeri untuk JPS itu harus datang daripada Kerajaan Persekutuan, tetapi di Jepun, ianya dibelanjakan oleh kerajaan tempatan, "local government". Jadi dalam perkara yang begini, saya berpendapat pengalaman berada di Osaka ini adalah satu pengalaman yang sangat perlu bagi kita menyediakan rancangan jangka panjang supaya masalah banjir ini dapat diurus dengan baik dan permasalahan jangka panjang penyelesaiannya mesti dilakukan ketika kos untuk pemasangan dan juga pembaikan serta mengubahsuai dan juga menaikkan taraf ini ketika kos yang tidak terlalu tinggi berbanding dengan apabila ianya akan dilakukan untuk 30 tahun mendatang umpamanya atau 50 tahun mendatang.

Jadi perkara-perkara yang beginilah NADMA dan Jawatankuasa Bencana Negara mempelajarinya dan mereka juga menggunakan teknologi baru AI dan Big Data serta lain-lain teknologi yang baru supaya amaran awal dapat diberikan untuk kawasan-kawasan yang termasuk dalam kategori "flood prone" atau kawasan yang dilanda banjir dan ini dilakukan dengan bukan hanya pemindahan kekal, tapi dilakukan dengan "diversion of rivers" di mana sungai-sungai baru dibuat lebih lurus supaya kawasan yang bengkok bengkok dan sungai ini akan dapat melepasi air yang berlebihan di kawasan sungai itu yang akan menyebabkan berlaku banjir.

Banyak, banyak yang kita pelajari yang kita fikir, JPS sedang menyediakan dengan koordinasi NADMA dan kita harus mengambil pendekatan yang holistik, bukan pendekatan yang solo sahaja dan saya fikir apa yang dilakukan oleh Kementerian dulunya Kementerian Alam Sekitar, sekarang ini sebuah kementerian di bawah Datuk Seri Haji Fadilah yang dikenal sebagai PETRA ini, saya akan menjemput beliau untuk mengkoordinasikan semua mitigasi yang harus dilakukan daripada sekarang untuk mengurangkan risiko dan menyelesaikan masalah ini dalam waktu jangka yang panjang, Insya-Allah.